



AIR KELANTAN SDN. BHD. 199401006290 (291969 M)

KENYATAAN TENDER (KERJA)

Air Kelantan Sdn. Bhd. ("AKSB") ingin menjemput kontraktor yang berminat dan berkelayakan ("Kontraktor") untuk menyertai tawaran berikut:-

Tajuk Projek & No Tender	D007 : PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA / UZUR DENGAN PAIP BARU UNTUK OP3-18 DI NEGERI KELANTAN Pakej 6 : Program NRW - Penggantian Paip Lama / Uzur Di Sebahagian DMA Kuala Besar Sepanjang 4.247 KM AKSB/UKPU/PA/26/4(T)
Kelayakan	(1) Mempunyai Perakuan Pendaftaran yang sah tempoh dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB): Gred : G5 atau G6 atau G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE20 dan CE 21 (2) Mempunyai Permit IPA SPAN yang sah tempoh dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN): Jenis : C2 (Bekalan Air) (3) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
Taklimat Tender & Lawatan Tapak	Tarikh : 21/09/2026 Masa : Bermula 10.00 pagi Tempat : Dewan Seminar, Air Kelantan Sdn Bhd, Tingkat 6, Wisma Air Kelantan, Lot 188, Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 15050 Kota Bharu, Kelantan. (Lawatan tapak akan dibuat selepas sesi taklimat tender)
Penjualan Dokumen Tender	Tarikh : 21/09/2026 hingga 06/10/2026 Tempat : Aras Bawah, Air Kelantan Sdn Bhd, Wisma Air Kelantan, Lot 188, Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 15050 Kota Bharu, Kelantan.
Harga Dokumen	RM900.00 (tidak akan dikembalikan) dalam bentuk TUNAI / BANKER'S CHEQUE (atas nama Air Kelantan Sdn Bhd).
Tutup Tender	Tarikh : 13/10/2026 Masa : Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari. Tempat : Peti Tender, Air Kelantan Sdn. Bhd., Aras Bawah, Wisma Air Kelantan, Lot 188, Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 15050 Kota Bharu, Kelantan.

Prosedur Tender

- 1 Kontraktor yang berhasrat menyertai tender **DIWAJIBKAN** hadir taklimat tender dan lawatan tapak. Hanya Wakil Kontraktor yang ditauliahkan sahaja dibenarkan menyertai taklimat tender dan lawatan tapak.
- 2 Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil yang sah. Wakil Kontraktor **MESTI** mengemukakan surat kuasa daripada syarikat yang diwakili bersama dengan sijil pendaftaran **ASAL** atau **SALINAN YANG DISAHKAN**. Sesalinan sijil pendaftaran CIDB, SPAN dan SSM perlu dikemukakan untuk simpanan AKSB (tidak dikembalikan).
- 3 **Dokumen Meja Tender** akan ditempatkan di Unit Pengurusan Kontrak, AKSB untuk rujukan Kontraktor.
- 4 Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke sampul surat berlakri & bertanda dengan jelas 'Tajuk Projek' & 'No. Tender' di bahagian atas sebelah kiri. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada tarikh, masa & tempat di atas. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh & masa yang dinyatakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

